

Pilihan pemimpin

UM 11 MAY 2005

PUTRAJAYA 10 Mei — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menganggap Yayasan Kepimpinan Perdana sebagai peringatan kepada semua khususnya beliau sendiri bahawa segala pilihan dan keutamaan yang ditetapkan oleh pemimpin menjadi penentu masa depan negara dan kehidupan berjuta-juta rakyat.

Justeru Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus menyokong visi, matlamat dan program yayasan itu kerana percaya penubuhannya amat tepat sekali sebagai jambatan penting antara masa lepas dan masa depan negara.

Baginya, kisah-kisah yang dialami dan dilalui oleh bekas-bekas Perdana Menteri di samping wawasan mereka terhadap masa depan Malaysia merupakan pelajaran yang amat bernilai kepada pemimpin sekarang dan akan datang.

“Janganlah kita lupakan, sebaliknya belajar daripada pemimpin masa lalu, supaya kita dapat maju ke hadapan dan mencapai masa depan yang lebih baik dan terjamin,” katanya ketika berucap merasmikan bangunan yayasan itu di sini hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; bekas Perdana Menteri yang juga Presiden Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah yayasan, Tan Sri Azman Hashim.

Majlis itu turut dihadiri oleh ahli keluarga bekas-bekas Perdana Menteri daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Dr. Mahathir sendiri.

Mengimbas perjalanan beliau sehingga

menjadi Perdana Menteri, Abdullah merakamkan rasa bertuah kerana berpeluang berkhidmat secara langsung di bawah keempat-empat bekas Perdana Menteri dalam pelbagai kapasiti.

“Sepanjang tempoh itu, saya belajar banyak perkara. Satu perkara yang saya pelajari ialah pemimpin tidak semestinya dilahirkan tetapi dibuat.

“Muhasabah diri, pendidikan, latihan dan pengalaman merupakan faktor penting,” katanya.

Daripada setiap bekas Perdana Menteri itu, Abdullah berkata, beliau mempelajari makna kualiti kepimpinan khususnya nilai amanah, bertanggungjawab, keadilan, maruah, kesabaran dan keberanian.

Baginya, kebijaksanaan dan pengalaman yang diperolehi di bawah bimbingan dan kepakaran kepimpinan terdahulu itu menjadi

penentu masa depan

sumber inspirasi dalam membantu beliau menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri.

“Saya sedar tidak ramai rakyat Malaysia yang mendapat penghormatan unik serta berpeluang berkhidmat dan belajar daripada mereka seperti saya,” ujarnya.

Justeru Abdullah gembira dengan penubuhan yayasan itu dan berharap ia akan memastikan bahawa warisan intelek negara tidak hanya dipelihara bahkan diselidik, dibangun dan dipersembahkan untuk menggalakkan percambahan pemikiran dan debat di kalangan rakyat.

Perdana Menteri berkata, rakyat beruntung kerana wawasan dan dasar bekas-bekas Perdana Menteri memenuhi kehendak semasa dan menepati keutamaan negara.

“Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj akan selamanya di-

kenang sebagai Bapa Kemerdekaan kerana membawa negara mengecap kemerdekaan pada 1957 sehingga kita bebas menentukan masa depan sendiri.

“Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak pula akan dikenang sebagai Bapa Pembangunan kerana menangani ketidakseimbangan ekonomi dan sosial dengan menghapuskan kemiskinan menerusi langkah penstrukturan masyarakat.

“Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn pula diingati sebagai Bapa Perpaduan kerana mengutamakan perpaduan negara manakala Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad sudah tentu cukup dikenali sebagai Bapa Pemodelan kerana mengepalai perindustrian Malaysia dan meningkatkan profil negara di peringkat antarabangsa,” katanya.